

25 APR 1996

DR MAHATHIR ADAKAN RUMAH TERBUKA AIDILADHA DI DEWAN JITRA

ALOR SETAR, 25 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali akan mengadakan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidiladha di Dewan Jitra, Jitra pada Ahad ini.

Mereka akan menerima kunjungan tetamu dari 10 pagi hingga 3 petang, kata Haji Saad Hashim, wakil peribadi Dr Mahathir di sini hari ini.

Menurutnya, Dr Mahathir akan mengadakan korban empat ekor lembu tahun ini yang akan diserahkan sendiri di Masjid Tanjung Pauh di Jitra, di Pekan Tunjang dan di kediamannya di Titi Gajah pada petang Sabtu selepas tiba dari Kuala Lumpur.

Lembu yang keempat akan diserahkan di Masjid Kubur Panjang, Pendang selepas mengadakan rumah terbuka pada Hari Raya Aidiladha, katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri akan menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir di sini. -- BERNAMA

MFJ NMO